

29/01/2004

Jasa polis tetap disanjung

TANYALAH remaja hari ini mengenai darurat, kekejaman pegganas komunis dan betapa susahnyanya sewaktu perintah berkurung. Pasti ramai yang tidak tahu apa itu segala bentuk kesusahan dialami generasi ibu bapa dan datuk nenek mereka. Begitu juga ramai mungkin menonton filem Bukit Kepong tetapi tidak dapat menghayati apa itu erti hidup dicengkam ketakutan amat sangat jika diserang hendap pegganas. Namun dalam mengharungi hidup payah itu, rakyat bernasib baik kerana di barisan depan mempertahankan maruah negara dan menjamin kesejahteraan penduduk adalah anggota polis dan pemimpin yang berwawasan. Sehubungan inilah kita tidak harus lupa akan jasa, perjuangan dan pengorbanan anggota polis sejak darurat diisytihar pada 1948 hinggalah komunis setuju meletak senjata pada 1989.

Perdana Menteri menyifatkan anggota polis yang menyabung nyawa bagi memastikan negara aman dan makmur seperti hari ini, sebagai wira tidak didendang sempena sebuah buku mengenai perkara itu. Selain ramai pejuang terbabit terkorban ahli keluarga mereka juga turut dibunuh dengan kejam, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Antara peristiwa hitam membabitkan pasukan polis dan penentangan terhadap pegganas komunis adalah pembakaran Balai Polis Bukit Kepong mengakibatkan 25 orang maut termasuk 19 anggota polis pada 1950; pembunuhan Ketua Polis Negara pada 1974 diikuti Ketua Polis Perak selang beberapa bulan selepas itu.

Dua Perdana Menteri kita, Allahyarham Tunku Abdul Rahman dan Tun Dr Mahathir Mohamad terbabit dalam usaha membawa perdamaian dan menamatkan ancaman komunis itu hinggalah pada 1989 apabila Parti Komunis Malaya bersetuju menamatkan perjuangan bersenjatanya di Malaysia. Selain itu, ramai pegawai polis khususnya dari Cawangan Khas memainkan peranan penting dalam menghadapi dan menamatkan darurat itu. Jelas bahawa kita amat terhutang budi kepada semua yang terbabit dan pengorbanan pasukan keselamatan baik tentera, polis, konstabel khas dan Pasukan Kawalan Kampung itu tidak dapat dinilai dengan wang ringgit.

Hari ini kita dikejutkan dengan pembabitan anggota polis dalam jenayah termasuk rogol dan rompakan. Namun mereka ini hanyalah segelintir saja 'kambing hitam' yang seharusnya tidak mencemarkan imej keseluruhan kira-kira 85,000 anggota yang tetap mempertaruhkan nyawa bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat terjamin. Sebagaimana kata Abdullah hendaknya kita usah sekali-kali alpa dengan kesenangan yang dimiliki negara hari ini kerana tanpa susah payah dan pengorbanan pejuang dulu, generasi masa kini tidak mungkin merasai kemakmuran, kehidupan mewah dan keadaan aman damai.